



10 FEB, 2021

Pemasaran kandungan terajui dunia bisnes digital

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 4

Pemasaran kandungan terajui dunia bisnes digital



Varia

Oleh
AFIZAN AMER

JIKA kita meneliti dengan mendalam, negara pada masa ini sedang mengalami transformasi digital dan sedang bersiap sedia untuk menghadapi revolusi Industri 4.0.

Sejajar dengan trend ini, golongan profesional muda di sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencari peluang pengembangan kapasiti baharu untuk kerjaya mereka.

Kemahiran yang paling dicari kini adalah pembuatan kandungan kreatif, analisis data, visualisasi data, membuat keputusan, interaksi manusia dengan komputer, pengembangan aplikasi mudah alih, media sosial, reka bentuk pengalaman pengguna, penyelidikan UX dan pengembangan web.

Pencipta kandungan adalah penyumbang maklumat kepada media, terutama media digital untuk pengguna akhir atau khalayak dalam konteks tertentu.

Kandungan pula adalah sesuatu yang dinyatakan melalui media, seperti ucapan, penulisan atau pelbagai seni untuk ekspresi diri, pendedaran, pemasaran atau penerbitan.

Bentuk penciptaan kandungan yang khas termasuk pengemaskinian kandungan laman web, penulisan blog, penulisan artikel, fotografi, videografi, komen dalam talian, akaun media sosial, penyuntingan dan pendedaran media digital.

Satu tinjauan terhadap pakar penulisan kandungan menggambarkan penciptaan kandungan ditakrifkan sebagai bahan yang disumbangkan oleh individu kepada dunia dalam talian.

Di Malaysia pada masa kini terdapat lebih daripada 14 juta pengguna untuk penciptaan kandungan di media digital.

Ini secara tidak langsung, minat untuk mempelajari bidang baharu ini dalam kalangan pekerja PKS di negara ini sangat tinggi.

Dengan perkembangan pesat PKS, Malaysia adalah pasaran kompetitif bagi pemilik perusahaan untuk merekrut tenaga kerja yang tepat dan bersesuaian.

Ia bersesuaian dengan frasa terkenal yang dilaungkan dalam kalangan ahli perniagaan secara online iaitu kandungan adalah raja.

Mungkin sesetengah individu tertanya-tanya mengapa kandungan sangat penting sehingga disebut sebagai 'raja'.

Untuk makluman, kandungan sesuatu bahan adalah sangat penting dalam dunia pemasaran dalam talian memandangkan ia merupakan elemen yang dapat menyampaikan mesej kepada pelanggan.

Tanpa kandungan, usaha pemasaran media sosial dan tidak akan membuahkan hasil yang berkesan, seterusnya menjadikan suatu bisnes itu gagal mencapai matlamat diharapkan.

Cuba bayangkan, anda hanya membuat akaun perniagaan di Facebook atau Instagram tanpa mengeluarkan kandungan secara berkala.

Sudah tentu akaun perniagaan tersebut akan menjadi sia-sia dan dilihat sebagai membuang masa. Begitu juga, halnya dengan laman web atau blog perniagaan.

Kedua-dua elemen ini jika tidak pernah dikemas kini dengan kandungan yang baik dan efektif akan menggagalkan gagasan perniagaan atau erti kata lain gulung tikar.

Dalam perkembangan sama, perlu diingat bahawa pemasaran kandungan pemasaran kandungan juga merupakan satu elemen yang penting.

Pemasaran kandungan adalah teknik pemasaran yang melibatkan membuat dan menyebarkan kandungan yang relevan, penting dan konsisten untuk menarik kumpulan sasaran dengan tujuan mengubahnya menjadi pengguna.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



10 FEB, 2021

Pemasaran kandungan terajui dunia bisnes digital

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 4